

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATUK LINDA TSEN THAU LIN
KAWASAN : BATU SAPI
TARIKH : 31 MAC 2014, ISNIN

SOALAN:

YB. DATUK LINDA TSEN THAU LIN (BATU SAPI) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bagaimana Kementerian boleh meningkatkan mutu pembinaan jalan raya untuk mengelak kerosakan dan terjadinya masalah jalan berlubang yang sering berlaku di musim tengkujuh.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini amat prihatin dan memandang serius tentang masalah kerosakan jalan, terutamanya isu jalan berlubang akibat dari faktor cuaca dan kesan daripada beban kenderaan berat.

Berdasarkan kajian yang dibuat oleh JKR, penggunaan bahan campuran asphalt seperti *Polymer Modified Asphalt*, *Stone Mastic Asphalt*, *Porous Asphalt* dan sebagainya serta penggunaan teknologi baru dalam penyelenggaraan jalan, iaitu *Cold-In-Place Recycling* (CIPR) didapati dapat memanjangkan jangka hayat permukaan jalan (*pavemen*) yang dibina dan seterusnya dapat mengurangkan kos penyelenggaraan sebanyak 30% daripada kaedah konvensional. Penggunaan bahan-bahan seperti ini merupakan inovasi baru yang telah diaplikasikan oleh kementerian ini di samping mengekalkan kaedah penyelenggaraan konvensional sedia ada.

Di samping itu, kementerian ini juga meningkatkan aspek pemantauan kualiti kerja penyelenggaraan oleh syarikat konsesi menerusi mesyuarat bulanan dan pemeriksaan audit secara berkala. Sekiranya terdapat sebarang ketidakpatuhan kerja, amaran dalam bentuk Laporan Ketidakpatuhan atau NCR (*Non-Conformance Report*) akan dikeluarkan. Pihak JKR Negeri dan JKR Bahagian juga telah dipertanggungjawabkan untuk mengawasi kerja-kerja-kerja syarikat konsesi ini. Misalnya, bagi kerja-kerja berkala, pihak syarikat perlu melaksanakan pengujian dan penyemakan laporan pengesahan

kualiti (*Quality Assurance-QA*) dan laporan kawalan kualiti (*Quality Control-QC*) sebelum JKR mengesahkan bayaran bagi kerja-kerja yang telah dibuat.

Walaupun bagaimanapun, keadaan jalan yang tidak memuaskan walaupun telah disenggara adalah turut disebabkan oleh kenderaan berat yang membawa muatan secara berlebihan dan tidak menggunakan gandar yang bersesuaian. Gandar ini berperanan mengagihkan bebanan muatan secara sekata ke struktur turapan jalan. Sehubungan itu, kementerian ini akan bekerjasama dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan agensi penguatkuasaan lain untuk memastikan penguatkuasaan terhadap kenderaan berat ini dilaksanakan.

Sekian. Terima kasih.